



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN

BANTUAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN JURNAL 2015 KEPADA PELAJAR PASCASISWAZAH UKM

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
01	00	01/04/2016

1.0 PENGENALAN

Bantuan Pembiayaan Yuran Penerbitan Jurnal 2015 merupakan satu bantuan untuk membudayakan amalan penerbitan dalam usaha meningkatkan statistik penerbitan artikel jurnal penyelidikan. Peruntukan bantuan kewangan ini akan diberikan kepada semua pelajar siswazah yang mengikuti pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah secara sepenuh masa di Fakulti dan Institut di UKM.

2.0 KELAYAKAN

- 2.1 Pelajar pascasiswazah yang mendaftar pengajian secara sepenuh masa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 2.2 Tempoh pengajian bagi pelajar Sarjana adalah tidak melebihi 5 semester (mendaftar pada Semester 2 Sesi 2013/2014) dan Doktor Falsafah adalah tidak melebihi 7 Semester (mendaftar pada Semester 2 Sesi 2012/2013); dan
- 2.3 Permohonan terhad kepada penerbitan dari Januari 2015 – Disember 2016.

3.0 SYARAT DAN KADAR BANTUAN

- 3.1 Nama Penyelia Utama (Kakitangan Akademik UKM) **WAJIB** dimasukkan sebagai pengarang;
- 3.2 Afliasi pengarang mestilah menggunakan alamat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- 3.3 Hanya penerbitan jurnal yang telah diterbitkan dan dimuat naik melalui sistem e-Repository Penerbitan sahaja layak menerima bantuan ini;
- 3.4 Permohonan adalah berdasarkan tuntutan (*claim basis*), iaitu pemohon perlu membayar yuran terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan;
- 3.5 Pembayaran yang telah dibuat menggunakan peruntukan geran penyelidikan atau mana – mana sumber lain tidak akan dilayan.
- 3.6 Setiap artikel layak diberi bantuan yuran penerbitan sekali sahaja;


- 3.7 Kadar maksimum bantuan pembiayaan yuran penerbitan jurnal 2015 adalah mengikut kategori kuartil jurnal seperti jadual di bawah :

Jenis Penerbitan	Kuartil	Kadar Maksimum Bantuan Penerbitan (RM)
Jurnal	Q1	RM 5,000.00
	Q2	RM 4,500.00

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan perlu melengkapkan borang permohonan Bantuan Pembiayaan Yuran Penerbitan Jurnal seperti di Lampiran A.
- 4.2 Permohonan perlu disertakan dengan dokumen berikut :
- 4.2.1 Resit Asal Pembayaran;
 - 4.2.2 Bukti Muat Naik Jurnal melalui Sistem e-Repository Penerbitan
 - 4.2.3 Bukti kuartil jurnal diindeks. Sertakan juga maklumat faktor impak
 - 4.2.4 Satu salinan Jurnal
- 4.3 Permohonan yang lengkap hendaklah diperakukan oleh Penyelia Utama dan Dekan / Pengarah Fakulti / Institut sebelum dimajukan ke CRIM untuk kelulusan.

5.0 CARTA ALIR



TAMAT-

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI

SELANGOR

NO. TEL: 03-89213184/5102/5631/4679/4064/4455

NO. FAKS: 03-89254550

LAMAN SESAWANG: <http://research.ukm.my>